

Bil. S 32

PEMINDAHAN TUGAS-TUGAS MENTERI UNDANG-UNDANG

Adalah dengan ini diberitahu untuk makluman umum bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah menitahkan bahawa mulai dari 16 haribulan September, 1998 semua tugas, kuasa, kewajipan, kelebihan dan faedah Menteri Undang-Undang yang telah dipindahkan kepada atau diberikan atau dikenakan kepadanya oleh setiap undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual adalah dipindahkan kepada orang yang dinyatakan bersempentangan dengan undang-undang bertulis tersebut dalam ruang kedua Jadual.

JADUAL

Akta Nama-Nama Perniagaan (<i>Penggal 92</i>)	Pendaftar Nama-Nama Perniagaan
Akta Syarikat-Syarikat (<i>Penggal 39</i>)	Pendaftar Syarikat-Syarikat
Bab 16(3) dari Perintah Darurat (Timbangtara), 1994 (S 32/94)	Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Bab 48 dari Perintah Darurat (Timbangtara), 1994 (S 32/94)	Peguam Negara
Akta Rekacipta (<i>Penggal 72</i>)	Pendaftar Tanda-Tanda Perniagaan
Akta Surat Kuasa Wakil (<i>Penggal 13</i>)	Pendaftar Surat Kuasa Wakil
Akta Tanda-Tanda Perniagaan (<i>Penggal 98</i>)	Pendaftar Tanda-Tanda Perniagaan

DENGAN TITAH PERINTAH

**DATO PADUKA HAJI AWANG HAZAIR BIN
HAJI AWANG ABDULLAH**
Setiausaha Tetap,
Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.